

PELAKSANAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL (KPP) UNTUK PENINGKATAN KEMAHIRAN GURU BAHASA MELAYU MENGAJAR PENULISAN KARANGAN

Dima Mazlina@Siti Aishah Bt. Abu Bakar
dmazlina72@yahoo.com

Abdul Rashid B. Jamian
arasid@upm.edu.my
Universiti Putra Malaysia

Abstract: This study aimed at examining the implementation of Professional Learning Communities (PLC) for upgrading the skills of Malay teachers teaching essay writing process, at a secondary school in the state of Kedah, Malaysia. The Teacher Training Division (Bahagian Pendidikan Guru -BPG) began to implement PLC to enhance the professionalism of teachers in 2011. The implementation of PLC in Malaysia involves teachers of Mathematics, English, Science and History. Teachers of other subjects are also encouraged to cultivate PLC communities. The findings indicate that the strategies implemented by the PLC managed to change the attitude and teaching of teachers involved in the study, especially in the teaching and learning of essay writing. The findings also show that teachers should always seek alternatives to improve teaching methods and share best practices among themselves. Thus, PLC can be a platform for building pedagogical knowledge of teachers as it enables teachers to always learn and gain knowledge to improve their classroom teaching methods.

Keywords: *professional learning communities, skills upgrading, changing teaching methods, teacher Malay, teaching essay writing*

PENDAHULUAN

Komuniti Pembelajaran Profesionalisme (KPP) adalah pendekatan guru belajar cara mengajar secara konsisten dan berterusan dalam sesebuah komuniti secara terancang. KPP telah lama dilaksanakan di negara-negara barat sebagai usaha untuk memberi nilai tambah kepada kemahiran mengajar guru. Pelaksanaan KPP menekankan kolaborasi dan kerjasama dalam pasukan dan dapat memberikan impak yang besar kepada peningkatan kemahiran mengajar guru. Konsep pembelajaran guru KPP terbentuk daripada idea Senge (1990) yang menegaskan bahawa organisasi pembelajaran penting untuk meningkatkan kerjasama dan perubahan bagi sesebuah organisasi. Dalam kata lain, sesebuah organisasi pembelajaran perlu menekankan usaha secara bersama-sama dalam komuniti. Hal ini bermaksud guru tidak boleh berubah sekiranya bekerja secara bersendirian. Senge telah memperkenalkan terminologi Lima Disiplin untuk menggerakkan penambahbaikan dalam organisasi korporat berasaskan keuntungan. Prinsip Lima Disiplin tersebut ialah sistem pemikiran, penguasaan diri, model mental, pembelajaran berpasukan dan perkongsian visi (Senge, 1990). Menurut Senge, kelima-lima disiplin tersebut saling berkait untuk membantu sesebuah organisasi berubah ke arah yang lebih baik. Idea Senge ini telah diubah suai oleh Hord (1997) sebagai pelopor utama KPP dalam bidang pendidikan.

Hord (2004) telah mendefinisikan KPP sebagai komuniti profesional yang belajar. Hal ini bermaksud, guru di sekolah serta para pentadbir pengurusan sekolah perlu sentiasa mencari dan berkongsi apa sahaja kaedah atau pendekatan yang berkaitan dengan pembelajaran guru. Guru perlu belajar ilmu mengajar yang baru atau memberi tambah nilai kepada corak pengajaran lama bagi menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan dan berkualiti. Dalam hal ini, guru perlu mencari ilmu mengajar secara konsisten, dikongsi bersama-sama serta diamalkan agar murid memperoleh manfaat (Barth, 2006). Walau bagaimanapun, menurut Stoll et al. (2006) tidak ada definisi yang universal untuk menggambarkan KPP. Stoll menganggap bahawa KPP diterjemahkan dalam pelbagai definisi mengikut konteks pelaksanaannya. Namun begitu, Stoll et al. (2006) bersetuju dengan pandangan beberapa orang pengkaji KPP seperti Mitchel dan Sackney (2001), Toole dan Louis (2002) serta King dan Newman (2001) bahawa KPP ditakrifkan sebagai

sekumpulan manusia yang berkongsi dan berbincang secara berterusan tentang amalan pengajaran mereka secara berterusan, sentiasa reflektif, bekerjasama, berorientasikan pembelajaran dan sentiasa berusaha untuk memajukan diri.

Menurut pengkaji tempatan Zuraidah Abdullah (2012), KPP digambarkan sebagai komuniti yang membentuk budaya belajar dalam kalangan warga sekolah. Hal ini bermaksud, semua orang dalam komuniti sekolah belajar, bukan semata-mata murid sahaja. Setiap individu dalam komuniti sekolah memainkan peranan masing-masing dan bertanggungjawab antara satu sama lain untuk menambah baik kekurangan yang ada dalam komuniti

(Abdullah et.al, 2013). Hal ini selari dengan pandangan Boyer (2010) bahawa amalan penambahbaikan dalam kalangan komuniti sekolah berupaya membawa anggota komuniti ke sekolah untuk menyokong segala usaha ke arah penambahbaikan sekolah yang melibatkan murid, guru dan pengurusan sekolah.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendefinisikan KPP sebagai komuniti sekolah yang bersama-sama berusaha secara profesional melakukan penambahbaikan pembelajaran murid melalui lima ciri yang telah dibangunkan oleh Hord (2004) iaitu perkongsian dan sokongan kepimpinan, perkongsian nilai, misi dan visi, pembelajaran secara kolektif dan aplikasi, keadaan persekitaran yang menyokong dan perkongsian amalan individu. Pembudayaan KPP di sekolah dapat memberikan impak yang positif dan menyumbang kepada pencapaian akademik yang tinggi melalui kaedah pengajaran guru yang bersifat autentik. Stoll et al. (2006) bersetuju bahawa Amerika Syarikat merupakan pelopor utama kepada pembudayaan amalan KPP dan setiap tahun terdapat pertambahan bilangan sekolah yang melaksanakannya. Manakala negara-negara lain masih di peringkat membangunkan amalan tersebut di sekolah dan dalam aspek penyelidikan yang membuktikan perkaitan.

Kesimpulannya, KPP merupakan budaya penambahbaikan sekolah bagi menghadapi cabaran dalam meningkatkan pencapaian murid. Pelaksanaan KPP secara konsisten dapat membantu guru belajar cara mengajar secara sistematik melalui aktiviti-aktiviti yang relevan. KPP juga memerlukan kerjasama yang padu dari pelbagai pihak dalam komuniti seperti pentadbir pengurusan sekolah, masyarakat, ibu bapa, guru-guru dan murid-murid. Dalam hal ini, KPP bertindak sebagai agen untuk meningkatkan kemahiran profesional guru dan mengamalkan pengetahuan sesama rakan sejawat secara kolaborasi. Pada akhirnya, matlamat pelaksanaan KPP ialah cara guru mengajar bertambah baik dan murid dapat belajar dengan sempurna dan dapat meningkatkan pencapaian mereka menerusi aktiviti pembelajaran.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Guru merupakan aset utama dalam sesebuah sekolah bagi menentukan keberhasilan murid. Kajian kualitatif yang dikendalikan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) terhadap pengajaran guru mendapati hanya 12% daripada pengajaran disampaikan pada standard yang tinggi, manakala sebanyak 38% lagi mencapai standard yang memuaskan. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan sebanyak 50% lagi pengajaran guru yang dicerap tidak disampaikan dengan baik dan memuaskan (Laporan PPPM KPM, 2013). Justeru, guru perlu sentiasa peka akan kehendak pendidikan semasa dan berusaha menambah nilai terhadap kualiti pengajaran mereka.

Kemahiran menulis merupakan salah satu daripada komponen kemahiran bahasa yang ada dalam kurikulum Bahasa Melayu di Malaysia, sama ada pada peringkat sekolah rendah atau pun pada peringkat sekolah menengah (Zamri Salleh & Abdull Sukor Shaari, 2009). Penulisan karangan dianggap sebagai proses yang penting dan rumit. Kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang kompleks dan merupakan tugas mencabar bagi guru dan murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran (Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman, 2011). Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan mereka menguasainya. Setiap pelajar perlu menguasai kemahiran menulis karangan sejak daripada sekolah rendah sehinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi. Tambahan pula Bahasa Melayu menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam semua peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Justeru, guru-guru Bahasa Melayu menggalas tugas yang sukar untuk mengajarkan proses mengarang kepada murid-murid. Guru Bahasa Melayu perlu mengetahui ilmu karang-mengarang dengan secukupnya dan menyampaikan ilmu tersebut kepada murid supaya murid dapat menulis karangan dengan berkesan. Hal ini demikian kerana kemahiran

mengarang memerlukan gabungan pelbagai kemahiran seperti kemahiran menulis, kemahiran membaca dan kemahiran berfikir untuk melahirkan idea dalam bentuk tulisan untuk dibaca.

Terdapat banyak pendekatan peningkatan profesionalisme keguruan yang boleh dilaksanakan dalam usaha untuk menjana perubahan dalam pengajaran guru, terutama dalam pengajaran proses mengajar karangan. Salah satu daripadanya ialah pembudayaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) sebagai usaha yang berterusan membantu guru mempelajari ilmu mengajar secara konsisten dan berkesan. KPP telah lama dijadikan platform bagi guru-guru menimba ilmu pedagogi di negara-negara barat dan telah diakui keberkesannya. Justeru kajian ini dijalankan untuk meneliti pelaksanaan KPP terhadap peningkatan kemahiran Guru Bahasa Melayu mengajarkan proses penulisan karangan.

PERNYATAAN MASALAH

Melihat kepada prestasi penulisan pelajar dalam UPSR, PMR, SPM dan STPM yang jarang-jarang memuaskan itu menjadi cabaran yang besar kepada golongan guru Bahasa Melayu (Roselan Baki, 2003). Guru berhadapan dengan pelbagai masalah ketika mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Terdapat guru-guru yang tidak mempunyai maklumat yang mendalam terhadap isi kandungan mata pelajaran yang menjadi pengkhususan mereka. Ini berlaku bukan sahaja kepada guru novis dan guru bukan opsyen, bahkan kepada guru-guru lama yang sudah mahir mengajar.

Menurut Feiman-Nemser (2003), guru-guru novis diberikan kelas-kelas sukar ketika memulakan perkhidmatan. Hal ini menyebabkan guru novis tidak berupaya mengamalkan kaedah, teknik dan pendekatan dalam masa yang singkat. Justeru, isi kandungan mata pelajaran yang diajar tersasar dan tidak mencapai objektif yang ditetapkan. Guru-guru novis juga tidak dibimbing sepenuhnya oleh guru-guru lama yang lebih berilmu dan berpengalaman. Isu guru kurang pengalaman ditambah pula tidak cukup kandungan ilmu mata pelajaran dan malu bertanya kepada guru yang lebih berpengetahuan dan berpengalaman akan menyukarkan keadaan sehinggakan mereka terpaksa menggunakan kemahiran sendiri berbanding mengajar berdasarkan kaedah mengajar yang relevan. Latihan pra perkhidmatan tidak menyediakan guru untuk berkecimpung dalam kerjaya guru sepenuhnya. Pendidikan guru perlu ditambah secara berterusan supaya pengetahuan dan kemahiran mengajar selari dengan perkembangan pendidikan semasa (Mahaliza Mansor, Norlia Mat Norwani, & Jamal@Nordin Yunus, 2014).

Selain itu, terdapat juga guru yang memilih untuk merancang dan menyediakan pengajaran dan pembelajaran secara bersendirian. Mereka malu untuk berkongsi dan menyemak bahan pengajaran yang dihasilkan. Guru dikatakan keberatan untuk berbincang dengan rakan sejawat dan pentadbir sekolah untuk mendapatkan maklum balas tentang pengajaran mereka (Roberts & Pruitt, 2009). Terdapat juga sekolah yang kurang memberikan galakan terhadap guru untuk mewujudkan budaya kolaborasi (Teague, Ginger, & Anfara, 2012) sedangkan guru perlu bekerja sebagai satu pasukan secara berterusan sehingga wujudnya sebuah pasukan pembelajaran (Fullan, 2006). Dalam hal yang berkaitan, Muhammad Faizal dan rakan-rakan (2012) bersetuju bahawa sesi pertukaran idea secara profesional tidak dilaksanakan secara giat dan dijalankan secara berasingan telah menyebabkan pembelajaran guru tersasar.

Pelaksanaan KPP di sekolah telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) bermula pada tahun 2011 dilihat dapat memastikan kelestarian kualiti guru (BPG KPM, 2011). Hal ini juga seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti guru berdasarkan trend dan perkembangan pendidikan di negara-negara maju di mana pemantapan KPP dalam kalangan pendidik dilihat sebagai usaha yang dapat meningkatkan profesionalisme guru. Walau bagaimanapun, penggunaan KPP sebagai alternatif untuk meningkatkan kemahiran guru mengajar bagi sekolah-sekolah di Malaysia masih asing dan baru. Model KPP yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui BPG pula hanya memberi fokus kepada mata pelajaran kritikal sahaja seperti Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Sains. Malah, strategi KPP tidak banyak dikaji dan diteroka oleh pengkaji tempatan walaupun telah banyak digunakan di negara-negara barat untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru di sekolah (Zuraidah Abdullah, Rahimah Hj Ahmad, & Muhammad Faizal Ab Ghani, 2012).

Justeru, Guru Bahasa Melayu wajar melipat ganda usaha untuk meningkatkan kemahiran mengajar karangan. Kaedah yang baharu perlu dikuasai ataupun mencipta inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Amalan membudayakan KPP sebagai medium untuk meningkatkan kemahiran mengajar dalam kalangan guru-guru di negara barat sudah terbukti keberkesannya dalam menghasilkan produk pelajar yang berkualiti. Oleh kerana guru bertindak sebagai pemberi ilmu karang mengarang kepada pelajar, maka sewajarnya guru menerapkan dan mencari ilmu berkaitan

kemahiran menulis karangan dalam diri mereka sendiri. Proses penulisan karangan merupakan sebuah proses yang rumit kerana kemahiran menulis melibatkan beberapa pengetahuan tentang komponen-komponen menulis yang meliputi aspek isi, bentuk, tatabahasa, gaya dan mekanis (Marohaini Yusoff, 2004).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif yang berikut:

- i. Mengkaji pelaksanaan KPP berkaitan peningkatan kemahiran guru mengajarkan proses penulisan karangan.
- ii. Meneliti penggunaan strategi KPP berkaitan peningkatan kemahiran guru mengajarkan proses penulisan karangan.

PERSOALAN KAJIAN

Sehubungan dengan objektif yang hendak dicapai, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan yang berikut:

- i. Bagaimanakah pelaksanaan KPP untuk membantu guru-guru Bahasa Melayu mempertingkatkan kemahiran guru mengajarkan proses penulisan karangan?
- ii. Adakah KPP sesuai membantu guru meningkatkan kemahiran mengajar khususnya mengajarkan proses penulisan karangan?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan teknik kualitatif dalam kutipan data untuk menjawab soalan kajian.

PEMILIHAN PESERTA KAJIAN

Seramai lima orang guru Bahasa Melayu telah bersetuju untuk ditemu bual dan memberikan data yang diperlukan oleh pengkaji untuk menyempurnakan kajian ini. Kelima-lima peserta yang terlibat adalah secara sukarela setelah berunding dengan pihak pentadbir kajian sendiri. Guru-guru yang dipilih ini adalah berdasarkan teknik pensampelan bertujuan dan mengajar Bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah yang terletak di Kedah. Pengkaji perlu memilih peserta kajian yang benar-benar tepat bagi memberi gambaran daripada pelbagai sudut untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang fenomena yang hendak dikaji (Barbour, 2008). Pemilihan peserta kajian yang homogenus dapat meningkatkan fokus, maklumat dan pengetahuan berkaitan perkara yang dibincangkan (Creswell et al., 2006; Merriam, 2009).

Berikut merupakan kriteria yang perlu dipertimbangkan bagi pemilihan kajian:

- i. Kajian ini dijalankan secara sukarela dan tidak melibatkan sebarang paksaan.
- ii. Peserta kajian terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.
- iii. Peserta kajian terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tingkatan Dua, Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.
- iv. Setiap peserta kajian memiliki pengalaman mengajar lebih daripada 3 tahun.
- v. Peserta kajian terdiri daripada guru bergred DG41 – DG52

- vi. Peserta kajian tidak ada halangan untuk berkongsi pengalaman peribadi mereka bersama-sama pengkaji.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pengkaji menggunakan tiga teknik pengumpulan data iaitu temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan bukti daripada analisis dokumen. Teknik-teknik yang digunakan untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan dapatan dalam kajian ini merupakan kaedah sama yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu berkaitan dengan keberkesanan KPP dan proses perlakuan dan proses penulisan karangan dalam bilik darjah (Marohaini Yusoff, 2004).

KAEDAH PENGANALISISAN DATA

Pengkaji merupakan instrumen kajian utama dalam kajian kualitatif dan harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk berhubung dengan manusia di sekelilingnya (Marohaini, 2001). Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan tiga peringkat analisis data iaitu penulisan semula transkrip temu bual, seterusnya membina kod dan tema dan rumusan data berbentuk jadual, carta alir dan peta konsep. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan LeBlanc (2010) dan Glesne (2011) yang menggariskan tiga peringkat penganalisan data iaitu tahap permulaan atau penulisan semula verbatim transkrip temu bual, proses lanjutan data yang merangkumi pembinaan kod dan tema dan diakhiri tahap pemaparan data dalam bentuk jadual, carta alir mahupun peta konsep. Dalam hal berkaitan, pengkaji menjalankan analisis suntingan iaitu mengenal pasti unit dalam kajian, membina kategori, mengenal pasti perkaitan dan pengesahan unit seperti yang telah disarankan oleh Noraini Idris (2010).

DAPATAN KAJIAN

Terdapat banyak pendekatan yang boleh diimplementasikan dalam usaha untuk membantu guru menambah nilai tahap pengajaran mereka. Dapatan kajian ini menumpu kepada pelaksanaan KPP untuk meningkatkan

kemahiran guru mengajar khususnya proses pengajaran karangan. Kesemua peserta kajian bersetuju bahawa KPP adalah alternatif bagi guru belajar cara mengajar secara berterusan dan profesional. KPP berupaya membimbing guru novis, guru bukan opsyen, guru opsyen, guru lama yang sudah ketandusan idea ataupun guru yang tidak yakin untuk mengajar ke arah penghasilan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Berikut adalah dapatan kajian berkaitan pelaksanaan KPP untuk meningkatkan kemahiran guru mengajarkan proses mengarang. Dapatan kajian ini mengambil kira pelaksanaan KPP yang dikaitkan dengan dua dimensi KPP yang dibangunkan oleh Hord (2004) iaitu amalan perkongsian personal dan pembelajaran secara kolektif.

Membantu Guru Bukan Opsyen

Kajian mendapati KPP memberi faedah yang besar kepada guru bukan opsyen Bahasa Melayu. Peserta kajian bersetuju bahawa halangan utama kepada guru bukan opsyen ialah mengajar karangan secara berkesan. Mereka tidak memulakan pengajaran secara sistematik, tidak menggunakan kaedah yang sesuai serta kurang menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai. Menurut Hord (2004), KPP menggalakkan kolaborasi dan perkongsian ilmu secara sistematik. Guru yang berpengalaman berkongsi pelbagai cara pengajaran karangan dan guru-guru boleh menggunakan teknik dan kaedah yang dikongsikan atau melakukan pengubahsuaian.

Membina Keyakinan Diri Guru

Kajian mendapati bahawa KPP berupaya membina semula keyakinan diri guru untuk menyampaikan pengajaran secara berkesan. Masalah guru berhadapan dengan kebuntuan mencari kaedah mengajar menyebabkan kandungan ilmu yang hendak disampaikan tidak mencapai objektif yang digariskan. Hal ini selari dengan dimensi KPP iaitu

amalan perkongsian personal yang menekankan perkongsian amalan-amalan pengajaran sesama ahli dalam komuniti. Input yang diberikan kepada guru-guru dalam KPP seperti perkongsian, pembentangan, pengajaran mikro, pencerapan berkala dan aktiviti jurnal muhasabah berupaya membina semula keyakinan diri guru untuk berhadapan dengan pelbagai perubahan dalam teknik dan kaedah mengajar. Contohnya, guru dibimbing untuk menggunakan pelbagai modul penulisan karangan serta teknik terkini seperti Ithink dan Peta Minda secara intensif supaya guru dapat memaksimumkan segala ilmu untuk manfaat pelajar.

Penggunaan Pelbagai Kaedah Dan Teknik Pengajaran Karangan

Peserta kajian bersetuju bahawa terdapat kaedah yang dipelajari di IPG atau universiti tidak lagi relevan untuk digunakan dalam pengajaran proses mengarang. Dapatan kajian mendapati guru berinovasi untuk menghasilkan teknik dan kaedah pengajaran dan tidak semata-mata bergantung kepada cara lama yang sudah tidak sesuai digunakan pada masa kini. Justeru, perkongsian ilmu dan kolaborasi dalam KPP membantu guru lebih proaktif mencari kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian. Guru mempelajari teknik pengajaran baru yang dimuat turun melalui pelbagai laman sesawang pendidikan dan diaplikasikan dalam kelas. Teknik, kaedah dan pendekatan yang dimuat turun itu kemudian disampaikan dalam perjumpaan mingguan KPP. Guru lain bebas menggunakannya atau pun mengubahsuainya mengikut kesesuaian.

Mendidik Guru Menerima Perubahan

Seterusnya, pelaksanaan KPP di sekolah mendidik guru supaya menerima perubahan. KPP mendidik guru berlapang dada dan menerima teguran secara positif ke arah penambahbaikan kualiti pengajaran. Peserta kajian bersetuju bahawa ada ketika guru sukar untuk menerima teguran dan kritikan yang membina. Tambahan pula guru-guru suka bekerja secara individu, tidak mahu berkongsi ilmu dan menggunakan gerak rasa untuk melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah. KPP dilaksanakan berdasarkan kolaborasi dan perkongsian ilmu sesama ahli dalam komuniti selari dengan dimensi pembelajaran secara kolektif dan aplikasi. Apabila KPP menggalakkan perkongsian ilmu dalam komuniti, pelaksanaan pelbagai aktiviti susulan seperti perjumpaan mingguan dapat memupuk semangat kerjasama sekali gus membantu guru membina sifat positif dalam diri sebagai pendidik.

Perkongsian Ilmu Secara Sistemik Dan Terancang

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembudayaan KPP memberikan impak yang positif terhadap cara guru berkongsi kaedah dan teknik dalam pengajaran. Pembelajaran ilmu mengajar secara kolektif berupaya menjana ilmu dalam kalangan guru seterusnya menggunakan ilmu yang dipelajari secara terancang dalam bilik darjah. Guru menggunakan pelbagai teknik dan kaedah mengajar seperti kaedah berkumpulan, perbincangan, fotokopi bahan, penggunaan kertas sebak serta aktiviti pembentangan topik karangan. Walaupun begitu, perbincangan dan perkongsian ilmu dalam KPP secara sistemik dan terancang oleh guru pakar dan berpengalaman dapat menjana ilmu pedagogi terkini dalam kalangan guru novis di samping mendorong mereka mengubah suai teknik dan kaedah lama selari dengan perkembangan pendidikan semasa.

Guru-guru yang menghadiri kursus pengajaran berkesan seperti penggunaan komputer dalam pendidikan, I- Think, Didik Hibur, dan penggunaan modul karangan membantu guru agar dapat memahami ilmu baharu dan menggunakan ilmu tersebut di dalam bilik darjah. Kesemua ilmu baharu disampaikan secara konsisten dan berterusan sebagai aktiviti KPP. Guru memberi bahan seperti petikan akhbar, buku, majalah atau artikel internet dan meminta murid mencari isi dalam kumpulan. Pada akhirnya murid diminta untuk menulis karangan berdasarkan tajuk yang diberi. Guru tidak mengajar bagaimana proses penulisan karangan yang melibatkan banyak langkah.

Sehubungan dengan hal ini, KPP membimbing guru agar bersama-sama berusaha untuk mencari teknik dan kaedah terkini untuk digunakan ketika mengajarkan proses penulisan karangan. Guru-guru berpengalaman dalam bidang penulisan karangan mengendalikan sesi pembentangan teknik dan kaedah mengajar dan berkongsi sesama rakan sejawat. Oleh kerana kemahiran karangan merupakan kemahiran yang sukar diajar, guru memerlukan ilmu yang

cukup untuk mengajar proses penulisan karangan. Apabila guru sudah menerima pelbagai input pedagogi, tentunya mereka akan mempelbagaikan teknik dan kaedah untuk memastikan pengajaran berlangsung dengan berkesan.

Pengajaran Lebih Sistematik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan KPP memenuhi keperluan untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru supaya lebih sistematik. Salah satu aktiviti pembudayaan KPP dalam kalangan komuniti guru-guru Bahasa Melayu ialah merangka dan menyediakan rancangan pengajaran harian. Guru digalakkan untuk merangka dan menyediakan rancangan pengajaran harian mengikut kelas yang diajar pada setiap minggu bersama-sama guru yang lain untuk melihat persamaan dan perbezaan serta membantu melakukan pengubahsuaian. Peserta kajian bersetuju bahawa RPH yang dirancang dengan sempurna akan memandu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Perubahan Pengajaran Proses Mengarang

Proses menimba ilmu dalam KPP membawa perubahan kepada corak pengajaran guru terutama pengajaran proses mengarang. Perkongsian ilmu yang diamalkan meminta guru-guru mengajar mengikut Taksonomi Bloom iaitu mengajar daripada yang mudah kepada yang lebih sukar. Dalam pengajaran proses mengarang, guru diminta mengajar murid pengenalan karangan sebelum mengajar menulis karangan. Kesemua ilmu ini disampaikan secara berterusan dalam perjumpaan minggu KPP. Seandainya murid diajar orientasi tajuk karangan secara konsisten, murid akan memahami kehendak soalan dan tahu akan keperluan sesebuah karangan itu. Hal ini bermakna guru lebih giat mempelajari cara mengajar karangan agar murid tidak berasa bosan dan pengajaran menjadi bertambah berkesan.

Dapatan kajian menunjukkan guru menjadi lebih kreatif dan berupaya mengoptimumkan potensi diri sebagai pendidik yang berjaya. Peserta kajian bersetuju bahawa dalam KPP, guru diberikan pendedahan tentang cara mengajar dan bahan pengajaran yang boleh disediakan untuk membantu murid-murid memahami pengajaran guru. Guru bukan sahaja kreatif merancang pengajaran dan pembelajaran bahkan kreatif untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang berkualiti dan boleh digunakan oleh semua guru Bahasa Melayu.

Peningkatan Kualiti Pengajaran Guru Novis Dan Guru Bukan Opsyen

Guru-guru novis dan bukan opsyen memerlukan bimbingan secara intensif terutama untuk mengajar karangan. Hal ini demikian kerana cabaran untuk membimbing guru-guru novis dan bukan opsyen sama hebat dengan cabaran untuk membimbing pelajar yang tidak mahir mengarang. Justeru, pembudayaan KPP mampu menjadi platform bagi guru-guru tersebut untuk memperoleh dan mempertingkatkan kemahiran mengajar. Bimbingan guru-guru pakar dan berpengalaman berupaya memberi input kepada pengalaman mengajar guru novis dan guru bukan opsyen. Mengajar proses mengarang adalah proses sukar. Guru tidak boleh mengajar murid menulis dengan hanya memberi tajuk, berbincang dalam kumpulan kemudian menghasilkan penulisan. Murid perlu dibimbing langkah demi langkah untuk menulis. Begitu juga halnya dengan guru. Guru perlu belajar cara mengajar karangan yang betul dan tepat, langkah demi langkah. Apabila guru menguasai kemahiran mengajar proses mengarang, tentunya murid juga akan dapat dibimbing secara berkesan. Justeru, KPP dianggap mampu membimbing guru-guru novis dan bukan opsyen meningkatkan kualiti pengajaran dengan adanya pelbagai aktiviti dan strategi yang dirancang dalam komuniti.

STRATEGI PENINGKATAN KEMAHIRAN MENGAJAR KARANGAN GURU BAHASA MELAYU

Bagaimanakah KPP dapat membantu meningkatkan kemahiran guru mengajarkan penulisan karangan? Menurut Kruse, Louis, dan Byrk (1995) tidak terdapat strategi tertentu yang dijadikan asas bagi pelaksanaan KPP di sekolah-sekolah tetapi mencadangkan strategi yang relevan yang dapat membantu guru mempertingkatkan kemahiran mengajar. Sehubungan dengan hal tersebut, BPG mencadangkan beberapa strategi dalam KPP yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran guru Bahasa Melayu mengajar karangan. Strategi tersebut termasuklah perkongsian ilmu, bimbingan rakan sejawat, pengajaran pembelajaran, dan jelajah pembelajaran.

Kajian mendapati strategi perkongsian ilmu yang digunakan di lokasi kajian membantu guru bekerjasama berkongsi sebarang ilmu berkaitan dengan pengajaran karangan sesama ahli dalam komuniti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi sesi perkongsian ilmu yang dijalankan merangkumi strategi lain yang telah dicadangkan oleh KPM dan BPG. Hal ini kerana dalam sesebuah sesi perkongsian ilmu yang dijalankan setiap minggu, guru-guru berperanan sebagai pembimbing dan mentor yang akan membantu guru-guru menimba ilmu mengajar. Guru-guru juga diberi pendedahan tentang teknik, kaedah dan pendekatan yang relevan sesuai dengan perkembangan dunia pendidikan global. Sekiranya dahulu guru berbincang secara tidak formal dalam perbincangan sehalu program panitia tanpa melibatkan diri secara aktif untuk berkongsi idea dan pemikiran, KPP “memaksa” guru melibatkan diri secara aktif untuk berkongsi apa sahaja berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, KPP merupakan pendekatan alternatif untuk membantu guru-guru memberi nilai tambah kepada cara mengajar demi menghadapi cabaran dalam meningkatkan pencapaian murid. Pelaksanaan KPP secara konsisten dapat membantu guru belajar cara mengajar secara sistematik melalui aktiviti-aktiviti yang relevan. KPP juga memerlukan kerjasama yang padu dari pelbagai pihak dalam komuniti seperti pentadbir pengurusan sekolah, masyarakat, ibu bapa, guru-guru dan murid-murid. Dalam hal ini, KPP bertindak sebagai agen untuk meningkatkan kemahiran profesional guru dan mengamalkan pengetahuan sesama rakan sejawat secara kolaborasi. Pada akhirnya, matlamat pelaksanaan KPP ialah penambahbaikan cara mengajar oleh guru dan menyempurnakan cara belajar dan meningkatkan pencapaian murid menerusi aktiviti pembelajaran.

Justeru, pembudayaan KPP dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu diperlukan bagi menghasilkan guru yang berkualiti dan sentiasa proaktif untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan. Dalam hal ini, amalan kolaboratif dan kerjasama merupakan tunjang kepada pelaksanaan KPP. Guru menjadi murid dalam KPP dan mempelajari teknik menyampaikan pengajaran serta isi kandungan mata pelajaran daripada guru lain yang lebih berpengalaman. Sebagai contoh, untuk meningkatkan kemahiran guru mengajar karangan Bahasa Melayu, komuniti guru akan menyediakan tenaga pakar yang berpengalaman dalam bidang penulisan karangan untuk menjadi mentor kepada ahli dalam komuniti. Hal ini boleh meningkatkan kualiti pengajaran guru dan berupaya melonjakkan pencapaian akademik sesebuah sekolah.

RUJUKAN

- Abdullah, Mohd Yusof, et al. (2013). Penambahbaikan sekolah: Melalui komuniti pembelajaran profesionalisme (KPP). Utusan Borneo, B4.
- Abdul Rasid Jamian, & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Barth, R. (2006). Improving relationships within the schoolhouse. *Educational Leadership*, 63(6), 8 –13
- Boyer, E. L. (2010). *The basic school: A community for learning*. Princeton, NJ: Carnegie Foundation for the Advancement of Teaching.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 67 Malay Language Education Journal (MyLEJ) PELAKSANAAN*, 1, 67–87.
- Creswell, J. W., Shope, R., Plano Clark, V. L., & Green, D. O. (2006). How interpretive qualitative research extends mixed methods research. *Research in the Schools*, 13(1), 1-11.

- Feiman-nemser, S. (2003). What New Teachers Need to Learn. *Educational Leadership*, 60(8), 25–29. Fullan, M. (2006). Leading professional learning. *School Administrator*, 63(10), 10.
- Glesne, C. (2011). *Becoming qualitative researchers: An introduction*. (4th ed.). Boston, MA: Pearson.
- Hord, S.M. (1997). *Professional learning communities: Communities of continuous inquiry and improvement*. Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory.
- Hord, S. M. (2004). Professional learning communities: An overview. In *Learning together leading together Changing schools through professional learning communities*
- Hord, S. M. (2009). Professional Learning Communities: Educators Work Together toward a Shared Purpose. *Journal of Staff Development*, 30, 40–43.
- King, M. B., & Newman, F. M. (2001). Will teacher learning advance school goals? *Phi Delta Kappan*, 576-580.
- Komuniti Pembelajaran Profesional (2011), *Strategi 2: Amalan Penswastaaan (De-Privatization Of Practise)*, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Louis, K. S., & Kruse, S. D. (1995). *Professionalism and community: Perspectives on reforming urban schools*. SAGE Publications Ltd.
- LeBlanc, P. R. (2010). A practical approach to qualitative interviews. *The Qualitative Report*, 15(6), 1621 -1623.
- Liong Shou Chuan (2014). Pembangunan profesionalisme guru ke arah pendidikan berkualiti. *Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional ke 10, 2014* (pp. 1–13).
- Louis, K. S., & Marks, H. M. (1998). Does professional learning community affect the classroom? Teachers' work and student experiences in restructuring schools. *American Journal of Education*, 106(4), 532–575.
- Mahaliza Mansor, Norlia Mat Norwani & Jamal@Nordin Yunus. (2014). Hubungan antara model-model pembelajaran profesional terhadap amalan guru sekolah menengah harian di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 6(5).
- Marohaini Yusoff. (2001). Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan dalam bilik darjah. Dalam Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (hh. 87–119). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- MarohainiYusof (2004). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation: Revised and expanded from qualitative research and case study applications in education*. San Fransisco, CA: Jossey-Bass.
- Mitchell, C., & Sackney, L. (2001). Building capacity for a learning community. *Canadian Journal of Educational Administration and Policy*, 19, 394-398.
- Muhammad Faizal A. Ghani, & Crow, G. M. (n.d.). (2012). Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pemimpin Sekolah Cemerlang Negara Maju. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 10–27.
- Noraini Idris . (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw-Hill.
- Roberts, S. M., & Pruitt, E. Z. (Eds.). (2009). *Schools as professional learning communities: Collaborative activities and strategies for professional development*. Corwin Press.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam, Malaysia: Karisma.
- Senge, P. M. (1990). *The Fifth Discipline: the art and practice of the learning organization*. *Measuring Business Excellence* (p. 424).

- Stoll, L., Bolam, R., McMahon, A., Wallace, M., & Thomas, S. (2006). Professional Learning Communities: A review of the literature. *Journal of Educational Change*, 7(4), 221–258.
- Teague, G. M., & Anfar Jr, V. A. (2012). Professional learning communities create sustainable change through collaboration. *Middle School Journal*, 44(2), 58.
- Toole, J. C., & Louis, K. S. (2002). The role of professional learning communities in international education. In *Second international handbook of educational leadership and administration* (pp. 245-279). Springer Netherlands.
- Zamri Salleh, & Abdull Sukor Shaari. (2009). Kesan Model Unsur Tautan Terhadap Pengajaran Karangan Bahasa Melayu. *MJLI*, 6, 55–78.
- Zuraidah Abdullah, Rahimah Hj Ahmad, & Muhammad Faizal Ab Ghani. (2012). Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Warga Sekolah. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA* (hh.1–21).

PRE-SERVICE MATHEMATICS TEACHERS' SUBJECT MATTER KNOWLEDGE OF THE MODE AS A MEASURE OF CENTRAL TENDENCY

Komathi Jairaman

komraj1998@yahoo.com

Sharifah Norul Akmar Binti Syed Zamri

snorul@um.edu.my

Suzieleez Syrene Binti Abdul Rahim

suzieleez@um.edu.my

University of Malaya

Abstrak: Perubahan terkini dalam pendidikan statistik menekankan kepada pengembangan literasi statistik kerana dunia secara keseluruhannya pada masa ini memerlukan maklumat statistik. Walau bagaimanapun, kajian sejak beberapa dekad yang lalu telah menunjukkan bahawa literasi statistik pelajar kita tidak begitu baik. Perkara ini telah menarik perhatian guru dan peranan mereka dalam pengembangan literasi statistik. Artikel ini melaporkan pengetahuan subjek enam guru matematik pra-perkhidmatan tentang mod. Data dikumpulkan melalui teknik temu bual klinikal berasaskan soalan jenis terbuka berkaitan dengan konsep mod. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru matematik pra-perkhidmatan mengenal pasti mod berdasarkan nombor terbesar yang juga dipercayai sebagai menunjukkan kekerapan tertinggi. Mereka juga mempamerkan kekurangan dari segi pengetahuan bahawa mod boleh menjadi satu ukuran biasa dalam sesuatu set data. Ciri mod ini boleh digunakan sebagai satu kaedah pantas dalam pelaporan purata yang merupakan satu idea yang penting berkaitan dengan literasi statistik.

Kata Kunci: *pengetahuan subjek, literasi statistik, mod*

INTRODUCTION

The development of statistical literacy starts in schools. Teachers are responsible for incorporating enhancement of statistical literacy in their statistics classes and preparing their students to enter society. Watson (2006) firmly believed that teachers should offer their students productive experiences using real-world examples that demonstrate the utility of statistical concepts in real life situations. Thus, incorporating enhancement of statistical literacy in their teaching of statistics. However, certain concerns were brought to highlight when research found that students were unable to relate statistics effectively in their daily lives (Garfield & Ben-Zvi, 2007).

This drew the attention of teachers with a big question on whether our teachers have the knowledge to enhance statistical literacy in their teaching. Teachers need more than adequate knowledge of mathematics. "Teachers must have an in-depth knowledge of mathematics they are going to teach" (Wun, 2010, p. 68). This will ensure that they can create meaningful teaching experiences for students. This point has been emphasized and elaborated by The National Council of Teachers of Mathematics (NCTM) (2000) which documented that:

Students learn mathematics through the experiences that teachers provide. Thus, students' understanding of mathematics, their ability to use it to solve problems, and their confidence in, and dispositions toward, mathematics are all shaped by the teaching they encountered in school. The implementation of mathematics education for all students requires effective mathematics teaching in all classrooms. To be effective, teachers must know and understand the mathematics they are teaching and able to draw on that knowledge flexibly in their teaching tasks. (pp. 16-17)

While teachers learn more about the subject matter when they come into teaching, they also require a good background about their subject prior to their induction to teaching (Grossman, Wilson, & Shulman, 1989). Therefore, teachers need a solid foundation to start off and build upon their subject matter competence as they gain exposure and

experience in their profession. Similar applies to the subject matter knowledge involved in enhancing statistical literacy. Beginning teachers need to have a solid foundation in the subject matter knowledge involved in enhancing statistical literacy.

Several topics in statistics constitute the subject matter knowledge involved in enhancement of statistical literacy such as inference, variation, probability and measures of central tendency. However, among these topics, measures of central tendency occupy a fundamental portion in most mathematics curricula including in Malaysia. In relation to statistical literacy, measures of central tendency are also found to be quite dominant because of the frequent appearances of these measures in the media (Jacobbe & Carvalho, 2011). This necessitates pre-service mathematics teachers to have the necessary subject matter knowledge of measures of central tendency involved in enhancing statistical literacy.

Subject matter knowledge

Grossman et al. (1989) mentioned that four dimensions are involved in the subject matter knowledge of beginning teachers, namely content knowledge, substantive knowledge, syntactic knowledge, and beliefs. A teacher's understanding of the subject matter should not only cover knowing "that" but should also cover the knowing "why" (Shulman, 1986). This definition was further widened by Ball, Hill, and Bass (2005) as "mathematical knowledge for teaching" which focused not only on the content that teachers need to know for teaching but also the need to understand the ways of knowing that content for teaching. Therefore, these definitions of the subject matter knowledge helped to conceptualize that in the present study, the subject matter knowledge is defined as knowledge of the content and organization of the topic of measures of central tendency involved in enhancing statistical literacy.

Statistical literacy

On the other hand, *Statistical literacy* carries many interpretations too. It was interpreted as the ability to understand and evaluate critically statistical information in daily life along with the ability to appreciate the contributions of statistical thinking in various life aspects (Wallman, 1993). Gal (2002) elaborated on this interpretation and proposed two components for the requirements of statistical literacy; the first component is people's ability to interpret and critically evaluate statistical information and the second is the ability to discuss or communicate their reactions to such statistical information (Gal, 2002, p. 3). On the other hand, Watson (2006) interpreted statistical literacy as the meeting point between the statistics curriculum and real life. Meanwhile Garfield and Ben-Zvi (2004) have viewed it as a set of skills acquired from statistics classes. However, in the present study, statistical literacy is defined as the ability to relate central tendency concepts to real life situations.

The investigation of the subject matter knowledge of measures of central tendency in the present study begins with Gal's model of statistical literacy which illustrates the subject matter knowledge components involved in enhancing statistical literacy. The model draws upon the notion that the subject matter knowledge for the enhancement of statistical literacy includes two major components which are the knowledge component and the dispositional component. The knowledge component consists of five cognitive elements, namely literacy skills, statistical knowledge, mathematical knowledge, context knowledge, and critical questions whereas the dispositional component consists of two elements namely, critical stance, and belief and attitudes.

Nevertheless, in this paper, the discussion of the investigation of the subject matter knowledge of measures of central tendency is focused on Gal's statistical knowledge of measures of central tendency which includes measures of central tendency and data, familiarity with basic terms and ideas related to measures of central tendency and conclusions reached based on the measures of central tendency (Gal, 2002, p. 10).

The investigation was carried out on four different constructs, namely measures of central tendency with reference to context, measures of central tendency in handling bias, measures of central tendency and problem solving, and measures of central tendency in making inference. Watson (2006) highlighted that these constructs involving the measures of central tendency are important for enhancing statistical literacy. The following diagram illustrates the conceptual framework of the investigation discussed in this article:




Figure 1. Conceptual framework of the study.

Therefore, the investigation sought to answer the central question - What types of subject matter knowledge of measures of central tendency do pre-service mathematics teachers have?

However, this article reports only on one part of the larger study which is focused on the concept of the mode. The mode has not drawn much attention in the literature as compared to the other two measures of central tendency, the mean and the median. One reason for the mode having a less prominent position in the mathematics curriculum may be the perception that the procedure involved in obtaining the mode is far less complicated than the procedures involved in obtaining the mean or the median (Groth & Bergner, 2006).

The mode is referred to the most frequent value in a data set and is obtained based on the highest frequency. One important characteristic of the mode that distinguishes this measure from the other measures of central tendency is that the mode is not necessarily numerical all the time and can be categorical too. Another characteristic of the mode is that it is possible to have more than one mode for a set of data. This is unlike for the mean or median. The mode is also a measure of what is typical in a data set. This characteristic of the mode is sometimes used as a quick method in the reporting of central tendency or an average, an important idea related to statistical literacy.

METHODOLOGY

A case study research design was employed to investigate and understand, in-depth, pre-service mathematics teachers' subject matter knowledge of measures of central tendency. "A case study design is used to gain an in-depth understanding of the situation and meaning for those involved" (Merriam, 1998, p. 19). Several researchers (e.g., Chew, 2007; Sharifah Norul Akmar, 1997; Wun, 2010) have employed the case study design to study Malaysian students, pre-service teachers, and lecturers.

Purposeful sampling was used to select the six subjects for this study. The subjects were pre-service mathematics teachers enrolled in a 4-year Bachelor of Science with Education (B. Sc. Ed.) program from a public university in Peninsular Malaysia. The subjects either majored or minored in mathematics. At the point of data collection, they were in their final semester of their program. The researchers had selected three B.Sc.Ed. program students who majored in mathematics, and three B.Sc.Ed. program students who minored in mathematics for the purpose of this study. The subjects have no teaching experience prior to this study. Each of the pre-service mathematics teachers was given a pseudonym, namely Lina, Bella, Harry, Amy, Anna, and Joan in order to protect the anonymity of all the interviewees. The following Table 1 illustrates the brief background information about the subjects.

Table 1
Subjects' Gender, Age, Major, and CGPA

Subject	Gender	Age	Major	Minor	CGPA
Lina	Female	24 Years 1 Month	Mathematics	Chemistry	3.62
Bella	Female	23 Years 4 Months	Mathematics	Chemistry	2.98
Harry	Male	24 Years 5 Months	Mathematics	Chemistry	3.18
Amy	Female	24 Years 2 Months	Biology	Mathematics	3.46
Anna	Female	23 Years 0 Month	Physics	Mathematics	2.93
Joan	Female	24 Years 0 Month	Chemistry	Mathematics	2.98

